



JABATAN PERANGKAAAN  
MALAYSIA

# BULETIN KHAS NEGERI




"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."

**Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,**  
**Ketua Perangkawan Malaysia**

DOSM/BK/Selangor/3.2020/Siri10

"Komitmen Negeri Selangor dizahirkan menerusi Selangor Perihatin Fasa Pertama berjumlah RM 127.8 juta dan Selangor Perihatin Fasa Kedua RM 272.5 juta" - **YAB Menteri Besar Selangor, 1 April 2020**

**Selangor** merupakan penyumbang utama (**23.7 peratus**) kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM322.6 billion** (2017: RM301.9 billion). **Sektor Perkhidmatan** dan **Pembuatan** merupakan dua (2) sektor utama yang menyumbang **90.3 peratus** kepada ekonomi Selangor. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM199.9 billion (62.0 peratus)** dan **RM91.1 billion (28.3 peratus)** kepada nilai KDNK Selangor.



**Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor, Selangor, 2018**

Kredit: <https://architecture.desktopnexus.com/>




**Sepuluh Negara Teratas yang Melabur dalam Projek Pembuatan di Selangor 2016-2018**

MIDA melaporkan bahawa **China, British Virgin Islands, Singapura** dan **Jepun** merupakan empat (4) negara yang mendominasi pelaburan asing projek pembuatan di Selangor. Keempat-empat negara ini menyumbang **64.8 peratus** kepada keseluruhan nilai pelaburan asing bagi projek pembuatan di Selangor.

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Selangor 2018

Penduduk: 6.5 Juta  
Kepadatan Penduduk: 819/km<sup>2</sup>



Kadar Kesuburan: 1.7  
Kadar Kelahiran Kasar: 16.3  
Kadar Kematian Kasar: 4.2

Bil. Hospital: 102 buah  
Bil. Klinik Kerajaan: 244 buah

Bil. Katil Hospital  
2016 - 9,156 katil  
2017 - 9,574 katil




Bil. Doktor  
2016 - 9,483 orang  
2017 - 11,711 orang

Bil. Jururawat  
2016 - 19,481 orang  
2017 - 20,323 orang

Sumber: MyLocal Stats Selangor, 2018

Jumlah perdagangan melalui pintu keluar dan masuk Selangor bagi bulan Februari 2020 bernilai **RM41.6 billion**. Nilai ini menyumbang **30.6 peratus** kepada keseluruhan nilai jumlah perdagangan Malaysia. Selangor merupakan negeri penyumbang utama jumlah perdagangan Malaysia selepas Johor dan Pulau Pinang.

**Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Selangor**



**Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Selangor, 2019**

	RM Juta		
	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
PELABUHAN KLANG	175,677	232,684	408,362
KLIA, SEPANG	71,064	99,363	170,427
SUBANG	3,753	7,023	10,775
<b>SELANGOR</b>	<b>250,494</b>	<b>339,070</b>	<b>589,564</b>

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Februari 2020)

Pada tahun 2019, Selangor mencatatkan nilai eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM250.5 billion** manakala jumlah nilai import pula bernilai **RM339.1 billion**. **Pelabuhan Klang** dan **KLIA** merupakan pintu keluar dan masuk utama bagi aktiviti import dan eksport di Selangor pada tahun 2019.



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind





## JABATAN PERANGKAAAN M A L A Y S I A

"*Kerajaan negeri Selangor memperuntukkan RM1.344 juta bagi memberi bantuan makanan percuma kepada doktor, jururawat dan petugas hospital di Selangor sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).*"  
**Sinar Harian 1 April 2020**

### Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Selangor, 2017 dan 2018

	2017	2018
<b>Jumlah ('000)</b> Total	<b>25,491.2</b>	<b>30,179.0</b>
<b>Pelawat harian</b> Excursionist	<b>18,677.1</b>	<b>23,408.5</b>
<b>Pelancong</b> Tourist	<b>6,814.1</b>	<b>6,770.5</b>

Sumber: MyLocal Stats Selangor, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Selangor menerima 30.2 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 23.4 juta (77.6 peratus) merupakan pelawat harian dan 6.8 juta (22.4 peratus) adalah pelancong.

### Bilangan Penumpang Yang Dikendalikan Mengikut Lapangan Terbang di Selangor, 2016-2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	18,043,713	18,744,113	18,121,575
Antarabangsa	37,215,367	42,599,766	43,730,653
<b>Jumlah</b>	<b>55,259,080</b>	<b>61,343,879</b>	<b>61,852,228</b>

Sumber: MyLocal Stats Selangor, 2018

Kementerian Pengangkutan Malaysia telah melaporkan bahawa pada tahun 2018, bilangan penumpang yang dikendalikan lapangan terbang di Selangor telah meningkat kepada 61.9 juta berbanding 61.3 juta pada tahun 2017.


# BULETIN KHAS NEGERI



## Tenaga Buruh, Selangor, 2017-2018

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2017	3,458	3,359	98	75.7	2.8
2018	3,546	3,447	100	76.3	2.8


Pada tahun 2018, **penduduk bekerja** di Selangor adalah **3.4 juta orang**. **Kadar penyertaan tenaga buruh** adalah **76.3 peratus** (Malaysia: 68.3 peratus). **Kadar pengangguran** pada tahun 2018 kekal pada kadar **2.8 peratus**.



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2018

### Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2018, Selangor

Industri **pembuatan** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Selangor iaitu **693.7 ribu pekerja (20.1 peratus)** diikuti dengan industri **perdagangan borong dan runcit: pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, 567.2 ribu pekerja (16.9 peratus)**. Industri **pembinaan dan penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman** masing-masing mencatatkan **309.1 ribu pekerja (9.0 peratus)** dan **302.0 ribu pekerja (8.8 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **54.3 peratus** pekerja di Selangor.



Sumber: Population Quick Info

### Unjuran Penduduk Negeri Selangor, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Selangor boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Selangor dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 70.4 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk, diikuti kumpulan umur muda 23.6 peratus dan kumpulan umur tua 6.0 peratus.





JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A



## Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, 'Selangor & W.P Putrajaya, 2019 & 2020

Kumpulan Utama	2019		2020
	Mac	Feb	Mac
<b>Jumlah</b>	<b>122.7</b>	<b>124.4</b>	<b>123.1</b>
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	136.3	138.7	138.7
Minuman Alkohol dan Tembakau	169.7	170.2	170.2
Pakaian dan Kasut	97.4	96.3	96.3
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	122.9	125.0	125.0
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	122.2	123.5	123.6
Kesihatan	120.7	122.4	122.3
Pengangkutan	115.6	115.9	106.8
Komunikasi	95.9	96.9	96.9
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	111.8	112.9	112.9
Pendidikan	120.7	122.2	122.2
Restoran dan Hotel	137.9	140.3	140.4
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	107.3	110.8	111.2

Sumber: IHP, Mac 2020

<sup>1</sup> Indeks bagi dua negeri ini digabungkan memandangkan sumbangan relatif yang kecil bagi negeri-negeri tersebut

Indeks Harga Pengguna (IHP) negeri Selangor & W.P Putrajaya meningkat 0.3 peratus pada Mac 2020 kepada 123.1 berbanding 122.7 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP negeri Selangor & W.P Putrajaya bagi Mac 2020 menurun 1.0 peratus kepada 123.1 berbanding Februari 2020.

*"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020*

## Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Selangor, 2014 & 2016

	MALAYSIA		SELANGOR	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
<i>Median</i>	4,585	5,228	6,214	7,225
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.6	"	7.5
<i>Compounded annual growth rate</i>				
<b>Purata (RM)</b>				
<i>Mean</i>	6,141	6,958	8,252	9,463
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.2	"	6.8
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS,2016

## Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Selangor, 2014 & 2016

	MALAYSIA		SELANGOR	
	2014	2016	2014	2016
<b>Pekali Gini</b>				
Gini Coefficient	0.401	0.399	0.379	0.372
<b>Insiden Kemiskinan</b>				
Incidence of poverty	0.6	0.4	0.2	0.0

Sumber: HIS,2016

## Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Selangor, 2016

	MALAYSIA		SELANGOR	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
<i>Median</i>				
<b>Terendah 40%</b>		3,000		4,395
<i>Bottom 40%</i>				
<b>Pertengahan 40%</b>		6,275		8,585
<i>Middle 40%</i>				
<b>Tertinggi 20%</b>		13,148		17,410
<i>Top 20%</i>				
<b>Purata (RM)</b>				
<i>Mean</i>				
<b>Terendah 40%</b>		2,848		4,307
<i>Bottom 40%</i>				
<b>Pertengahan 40%</b>		6,502		8,790
<i>Middle 40%</i>				
<b>Tertinggi 20%</b>		16,088		21,125
<i>Top 20%</i>				

Sumber: HIS,2016

## Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Selangor, 2014 & 2016

	MALAYSIA		SELANGOR	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b>				
<i>Median</i>	2,946	3,314	3,836	4,356
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	5.9	"	6.4
<i>Compounded annual growth rate</i>				
<b>Purata (RM)</b>				
<i>Mean</i>	3,578	4,033	4,646	5,183
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.0	"	5.5
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS,2016









## Statistik COVID-19 Negeri Selangor


### Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Selangor




### Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Selangor




### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




### Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah



### Peratusan Kes Selangor Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 28 April 2020  
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Selangor

### Perkhidmatan Klinik

Bilangan pelanggan telah **menurun di antara 70% - 80%** semasa tempoh PKP. Hasil pendapatan pengusaha klinik **berkurang di antara 60% - 70%**. Walau bagaimanapun, caj perkhidmatan giliran hari bekerja (*Consultation*) dan harga ubat tidak berubah. Bilangan pekerja adalah kekal dan dibuat giliran hari bekerja.



### Perkhidmatan Perhotelan

Hasil pendapatan sebelum PKP menurun di antara 65% - 70% manakala **semasa PKP terus menurun di antara 70% - 80%**. Kadar penginapan telah menurun daripada 70% - 90% sebelum PKP kepada 0% semasa PKP kecuali hotel yang menawarkan penginapan kepada barisan hadapan. Pekerja masih dikekalkan dengan bilangan minimum 10% bagi setiap syif. Seramai 2,184 orang yang terjejas adalah pekerja industri perhotelan di negeri Selangor di mana 238 orang diberhentikan kerja, 1,812 orang telah diberi cuti tanpa gaji dan 134 orang dipotong gaji. Manakala hotel yang telah dijadikan pusat kuarantin melaporkan hasil meningkat 20% sejak dijadikan pusat kuarantin.



### Perkhidmatan Pengangkutan Bas

Secara keseluruhannya, perkhidmatan bas dihentikan sementara selaras dengan PKP. Waktu operasi perkhidmatan RAPID KL telah dihadkan iaitu tiada perkhidmatan di antara jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang. Perkhidmatan Bas di KLIA & Cyberjaya turut ditangguhkan bermula 23 Mac 2020 sehingga pemakluman lanjut.



### Perkhidmatan Kolej dan Universiti (Swasta)

Perintah Kawalan Pergerakan telah memberi kesan kepada semua perkhidmatan kolej dan universiti awam mahupun swasta di seluruh Malaysia. Antara impak pelaksanaan PKP adalah **pengurangan hasil syarikat 20% - 30%** dan **penurunan pendaftaran pelajar baharu 50%** disebabkan kebimbangan ramai ibu bapa tentang situasi yang sedang melanda.

Kebanyakan IPTS melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara dalam talian sama ada menggunakan *Virtual Learning (VLE)*, *learning management system* tersendiri atau aplikasi sosial seperti Skype, Whatsapp, Facebook Live dan Google Classroom.



### Perkhidmatan Pengangkutan Teksi

Perkhidmatan teksi dan e-hailing di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (L TSAAS) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) masih berjalan seperti biasa. Berdasarkan temubual, **kurang daripada 50%** pemandu teksi dan e-hailing yang beroperasi di L TSAAS dan KLIA. Dari segi pendapatan, berlaku **penurunan 30%** sebelum PKP dan penurunan berlaku **50%** selepas PKP dilaksanakan.

Kebanyakan pemandu memberhentikan perkhidmatan kerana bimbang keselamatan diri dan kekurangan penumpang. Walaupun ditawarkan menjalankan perkhidmatan menghantar makanan, hanya 20% hingga 30% pengusaha GRAB menerima tawaran tersebut.






JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Selangor

### Industri Jualan Borong dan Runcit Kenderaan Bermotor Baru

Penutupan outlet khususnya Perkhidmatan Jualan Borong dan Runcit Kenderaan Bermotor baru dianggarkan akan menyebabkan penurunan hasil jualan industri berkenaan lebih daripada RM1.5 bilion pada bulan Mac 2019.



### Perkhidmatan Jualan Borong & Runcit Alat Ganti Kenderaan

Semasa tempoh PKP Fasa Pertama, hampir keseluruhan syarikat di bawah subsektor ini di negeri Selangor tidak menjalankan operasi perniagaan. Pada PKP Fasa Kedua, pihak Kerajaan Negeri telah membenarkan operasi perniagaan ini dibuka selama 2 hari dalam seminggu untuk tempoh waktu 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Semua PBT Selangor membenarkan operasi perniagaan pada hari Isnin dan Khamis kecuali di daerah Sabak Bernam iaitu pada Selasa dan Jumaat.

Pemerhatian dan temuramah terhadap beberapa Kedai Alat Ganti Kenderaan mendapati bilangan **pelanggan menurun 80% - 90%** semasa PKP. Hasil **pendapatan** pengusaha berkurang **60% - 80%**. Walau bagaimanapun harga bagi *spare parts* tidak berubah dan bilangan pekerja adalah kekal dan dibuat giliran hari bekerja sepanjang tempoh PKP.

### Perkhidmatan Pembaikan dan Penyelenggaraan Kenderaan Bermotor

Pemerhatian dan temuramah terhadap bengkel dan pusat servis kereta dan motosikal mendapati bilangan **pelanggan menurun 60% - 70%** semasa PKP.

Hasil **pendapatan** pengusaha berkurang sehingga **50% - 70%**. Walau bagaimanapun, tiada pengurangan pekerja berlaku semasa tempoh PKP.



### Perkhidmatan Jualan Runcit Barangan Farmasi

Kajian lapangan melalui telefon terhadap aktiviti Jualan Runcit Barangan Farmasi yang dijalankan di kawasan Petaling Jaya, Kajang dan Rawang mendapati bahawa berlaku **penurunan hasil jualan sekitar 20% hingga 50%**. Penurunan jualan disebabkan pengurangan ketara bilangan pelanggan dan tumpuan item yang dibeli hanya *face mask* dan *sanitizer*. Kesan ketara pada *outlet* farmasi yang terletak di Zon Merah.



Berlaku **perubahan operasi jualan** melibatkan jualan secara dalam talian dan penghantaran terus barangan ke rumah melalui khidmat *runner*. Walaupun tempoh operasi telah dipendekkan, tiada pengurangan bilangan pekerja dilakukan. Pekerja telah dijadualkan semula waktu bekerja mengikut keadaan semasa. Subsidi gaji dan beberapa inisiatif lain yang telah diumumkan oleh kerajaan dijangka akan membantu mengekalkan pekerja sedia ada. Masalah yang dihadapi buat masa ini adalah untuk meningkatkan jualan dan mendapatkan stok jualan yang bergantung kepada pembekal.



### Perkhidmatan Pengangkutan (Aktiviti kurier selain daripada aktiviti pos nasional)

Hampir 47% syarikat menyatakan **peningkatan hasil di antara 20% - 90%**. Peningkatan ini didorong oleh penambahan transaksi pembelian dalam talian yang dilakukan oleh pengguna sepanjang tempoh PKP. Syarikat yang memperoleh peningkatan hasil masih mengekalkan bilangan pekerja pada masa ini. Syarikat berhadapan dengan masalah kelewatan penghantaran disebabkan oleh sekatan jalan raya dan kekurangan "*runner service*".







JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Selangor

### Pengusaha Stesyen Minyak

Secara keseluruhannya, stesen minyak masih beroperasi seperti biasa. Pengusaha stesen minyak memberi jaminan bahawa pam akan kerap kali dinyahkuman bagi mengelakkan penularan COVID-19. Jumlah pelanggan yang mengisi minyak ternyata berkurangan semenjak PKP. Walaupun harga minyak mengalami penurunan semenjak 21 Mac 2020, pergerakan yang terhad telah menyebabkan kurangnya penggunaan bahan api dalam kalangan pengguna.

**Pengurangan hasil jualan** petrol dianggarkan dalam lingkungan **50% hingga 60%** disebabkan penurunan harga petrol sehingga RM1.44 seliter dan pengurangan pelanggan. Penurunan hasil jualan kedai serbaneka dijangkakan sehingga 30%. Kebanyakan stesen minyak beroperasi dari jam 8.00 pagi sehingga 12.00 malam.



### Perkhidmatan Makanan dan Minum

Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman di negeri Selangor masih berjalan. Secara umum, pengusaha dan pengendali makanan mematuhi arahan operasi yang digariskan oleh PBT Negeri Selangor iaitu, hanya menyediakan pembungkusan makanan, penghantaran ke rumah atau pandu lalu.

Pengusaha makanan yang tidak membuka premis perniagaan menggunakan media sosial dan telefon dalam menerima tempahan daripada pelanggan dan terus membuat penghantaran sendiri atau menggunakan khidmat penghantar makanan.

Pemerhatian di sekitar Klang, Kuala Langat, Shah Alam, Kuala Selangor, Rawang, Bukit Beruntung, Bangi dan Cyberjaya telah mendapati operasi perniagaan adalah seperti berikut:

- Penjaja tepi jalan: **Tutup**
- Gerai / Warung (sarapan): **5%-10% dibuka**
- Restoran: **80% - 90% dibuka**
- Restoran Makanan Segera: **100% dibuka** (segelintir tutup awal)

### Perkhidmatan Katering Makanan

Kajian lapangan mendapati terdapat syarikat menjalankan perniagaan melalui tempahan dalam talian dan membuat penghantaran makanan ke rumah. Manakala, terdapat syarikat yang dilantik untuk menyediakan makanan yang ditempah untuk petugas frontline.



Walaupun syarikat beroperasi, hasil **pendapatan menurun 50% - 90%** jika dibandingkan dengan pendapatan sebelum PKP. Hasil pendapatan dijangka terus merudum jika tempoh PKP dilanjutkan.

Bilangan pekerja kekal bagi syarikat beroperasi dengan lancar semasa tempoh PKP dengan peranan *multi-tasking*. Pengusaha memaklumkan tidak menghadapi masalah bekalan bahan mentah, namun urusan logistik penghantaran barangan atau tempahan agak terbatas.

### Sektor Pembinaan

Syarikat yang terlibat dalam aktiviti penyelenggaraan sahaja yang beroperasi. Bagi suku pertama tahun 2020, secara purata hasil prestasi syarikat bagi Januari dan Februari 2020 adalah hampir sama dengan suku keempat tahun 2019, tetapi mula menganggarkan **penurunan hasil 40% pada bulan Mac 2020**.

Kos operasi/*overhead* syarikat masih dalam kawalan serta pekerja masih dikekalkan dalam empat (4) minggu pertama PKP. Namun, sekiranya PKP dilanjutkan melebihi 2, 3 bulan. Jangkaan hasil akan terus merosot (tiada peningkatan) dan mungkin mengakibatkan pemberhentian pekerja dan syarikat terpaksa ditutup.

Rata-rata syarikat mengadu mengenai kesukaran mendapatkan bahan binaan/penyelenggaraan kerana operasi pembekal/pengusaha bahan binaan/*hardware* tutup sepanjang PKP.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Selangor

### Perlombongan Kuari dan Pasir


Perlombongan kuari dan pasir merupakan sektor yang terkesan dengan pelaksanaan PKP. Menurut maklum balas yang telah diperolehi, 76 buah syarikat aktif tidak menjalankan operasi. Hanya 7 orang pekerja tetap operasi dibenarkan untuk membuat rondaan dan pemantauan tapak-tapak operasi, iaitu 4 orang bertugas pada satu masa yang sama. Manakala 77 orang pekerja di ibu pejabat meneruskan pekerjaan mengikut kaedah *Work from Home (WFH)*. Seramai 106 pekerja harian di tapak operasi tidak bekerja dan dibayar gaji kerana tiada operasi dibenarkan semasa PKP. Manakala, dianggarkan 850 orang pekerja pihak operator / kontraktor di setiap tapak tidak bekerja dan tidak dibayar gaji.

Sektor ini dianggarkan **kerugian pendapatan RM9.3 juta** akibat tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP Fasa 1 dan Fasa 2. Impak lain adalah pembaharuan permit kawasan operasi untuk suku kedua (April-Jun 2020) tergendala, permohonan laporan EIA untuk kawasan-kawasan baharu tergendala, dan kos-kos tidak langsung masih perlu ditanggung seperti biasa tidak terhad kepada kos kakitangan, sewaan premis, peralatan dan lain-lain dan sekaligus memberi impak ketidakseimbangan kepada aliran tunai syarikat.



### Industri Pembuatan – Farmaseutikal, Kimia Perubatan dan Botani

Kajian lapangan mendapati kebanyakan syarikat menyatakan purata **penurunan hasil pengeluaran sehingga 30% - 50%**. Sebaliknya, terdapat satu syarikat yang mengalami peningkatan hasil pengeluaran sepanjang PKP kerana permintaan ubat-ubatan yang tinggi dari hospital dan farmasi dlm tempoh PKP.



Syarikat menyatakan kekurangan pekerja disebabkan oleh kuota yang dibenarkan, perolehan bahan mentah dan penguncupan hasil jualan sebagai kekangan yang dihadapi.

### Industri Pembuatan Produk Sarung Getah

Terdapat syarikat pembuatan sarung tangan memaklumkan **peningkatan pengeluaran sebanyak 50%**. Namun pengeluaran adalah tertakluk kepada had yang dibenarkan serta kelulusan dan syarat-syarat yang ditetapkan pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Stok bahan mentah masih mencukupi dan diperolehi daripada negara jiran.

Pembungkusan produk tidak dapat dibuat dengan sempurna berikutan kilang pembungkusan yang tidak beroperasi.



### Pembuatan Pengilangan Minuman

Kebanyakan syarikat menyatakan **jualan menurun 20% hingga 50%**. Penurunan disebabkan waktu operasi bekerja dipendekkan dan tiada permintaan daripada perniagaan berkaitan hospitaliti yang *non-essential services* seperti hotel. Bilangan pekerja dikurangkan hampir 50% secara penggiliran syif. Kebanyakan syarikat menjalankan operasi satu syif sahaja.



### Pembuatan Bihun, Mi dan Produk yang Berkaitan

Kebanyakan syarikat menyatakan **hasil pengeluaran menurun 50%** disebabkan had kuota pekerja 50% sejajar dengan arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi pengeluaran sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Stok bahan mentah mencukupi untuk menampung pengeluaran bagi tempoh 2 bulan. Ini kerana syarikat telah membuat tempahan awal sebelum berlakunya PKP. Terdapat syarikat yang mempunyai permasalahan untuk mendapatkan kotak bagi tujuan pembungkusan. Isu logistik juga merupakan masalah utama syarikat untuk pemasaran produk disebabkan oleh sekatan jalan raya yang membataskan pergerakan bagi pemasaran produk ini.







## Impak Covid-19 di Selangor

### Pembuatan Roti dan Bakeri

Kebanyakan syarikat beroperasi seperti biasa dengan hasil pengeluaran yang berkurangan disebabkan permintaan menurun berikutan penutupan outlet runcit kecuali stesen minyak dan RnR. Terdapat syarikat yang memperoleh **peningkatan jualan 5%**. Bahan mentah menggunakan stok sedia ada yang hanya bertahan bagi tempoh maksimum 2 bulan dan bergantung kepada keupayaan pembekal untuk menghantar (operasi separuh hari dan sekatan jalan raya).



### Pembuatan Biskut dan Cookies

Kajian lapangan mendapati hasil pengeluaran telah **menurun di antara 30% - 50%**. Terdapat syarikat yang tiada langsung menghasilkan pengeluaran sepanjang PKP kerana hanya fokus pada jualan melalui servis penghantaran sahaja. Kebanyakan syarikat menyatakan bilangan pekerja **dikurangkan kepada 50%**. Syif operasi telah dikurangkan kepada satu syif sahaja sehari dan terdapat syarikat yang hanya beroperasi 3-4 hari seminggu.

Stok bahan mentah adalah cukup untuk tempoh 2 bulan disebabkan pengeluaran yang berkurangan. Masalah utama adalah pada bahan pembungkus kerana kilang yang menghasilkan bahan pembungkus tidak beroperasi sepanjang PKP.



### Pembuatan Produk Snek

Terdapat syarikat yang beroperasi setelah mendapat kelulusan daripada MITI. Hasil pengeluaran syarikat telah **menurun di antara 30% - 50%**. Terdapat syarikat menumpukan strategi kepada jualan sahaja. Bilangan pekerja dikurangkan sehingga 50%. Baki pekerja direhatkan dan digilirkan syif. Operasi syarikat telah dikurangkan kepada satu syif sehari dan tempoh bekerja dipendekkan. Bahan mentah dan pembungkusan sukar diperolehi.

### Pembuatan susu pekat, tepung dan sejat

Daripada kajian melalui telefon yang dilaksanakan, beberapa syarikat kecil dalam industri ini mengalami **penurunan pengeluaran di antara 10% - 20%** disebabkan kekurangan pekerja. Operasi dikurangkan daripada tiga syif sehari kepada dua syif sehari. Jumlah pekerja adalah sama dan hanya dikurangkan untuk sesuatu syif. Stok bahan mentah mencukupi untuk menampung pengeluaran bagi tempoh 2 bulan.

Walau bagaimanapun, temu bual dengan beberapa syarikat besar menyatakan mereka mengalami **peningkatan pengeluaran di antara 10% - 20%**. Syif atau tempoh beroperasi masih tiga syif sehari sama seperti sebelum PKP. Jumlah pekerja di bahagian operasi adalah sama kecuali pekerja di bahagian pengurusan / pejabat telah direhatkan. Ini bagi memastikan syarikat dapat membekalkan jumlah pengeluaran seperti diperlukan. Stok bahan mentah mencukupi untuk menampung pengeluaran bagi 2 bulan.



### Pembuatan produk tenusu lain

Bagi pengeluaran produk tenusu lain, kebanyakan syarikat yang dihubungi melalui telefon melaporkan jumlah pengeluaran adalah sama seperti sebelum PKP. Walau bagaimanapun terdapat juga syarikat yang melaporkan mengalami **50% penurunan** disebabkan permintaan dilaporkan menurun.

Syif pekerja hanya bagi tempoh 8.00 pagi – 5.00 petang. Tiada kerja lebih masa diberikan memandangkan PKP dan permintaan juga dilaporkan menurun. Stok bahan mentah mencukupi untuk menampung pengeluaran bagi tiga (3) bulan.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



### Berita RTM, 20 Mac 2020 (Jumaat)

#### Nelayan Kuala Selangor Terjejas Teruk Ekoran Covid-19

KUALA SELANGOR, 20 Mac - Penularan wabak Covid-19 turut memberi kesan kepada nelayan di Kuala Selangor. Bukan sahaja aktiviti mereka terjejas, pendapatan harian mereka juga merosot teruk.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/ekonomi/16727-nelayan-kuala-selangor-terjejas-teruk-ekoran-covid-19>

### Harian Metro, 21 Mac 2020 (Sabtu)

#### Selangor Turut Hadkan Operasi Perniagaan

Norzamira Che Noh, am@hmetro.com.my

SELANGOR membenarkan pembekalan dan perkhidmatan penyediaan makanan seperti restoran, gerai makanan serta kedai serbaneka beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penularan wabak Covid-19.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/556918/selangor-turut-hadkan-operasi-perniagaan>

### Berita Harian, 31 Mac 2020 (Selasa)

#### COVID-19: Kerajaan Selangor Mula Bekalkan Bahan Makanan ke Sungai Lui

Norzamira Che Noh, bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor membekalkan bahan makanan, bermula malam tadi, kepada semua isi rumah di kawasan Sungai Lui, Hulu Langat, yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/671187/covid-19-kerajaan-selangor-mula-bekalkan-bahan-makanan-ke-sungai-lui>

### Sinar Harian, 14 April 2020 (Selasa)

#### Permohonan Kiss untuk Ibu Tunggal Dibuka Secara Dalam Talian

Asyraf Muhammad



SHAH ALAM - Kerajaan Selangor bakal membuat pengumuman dalam masa terdekat mengenai permohonan Bantuan Kasih Ibu Smart Selangor (Kiss) yang akan dibuka secara dalam talian khas buat ibu tunggal di negeri ini.

<https://www.sinarharian.com.my/article/78858/EDISI/Selangor-KL/Permohonan-Kiss-untuk-ibu-tunggal-dibuka-secara-dalam-talian>

### Berita Harian, 20 Mac 2020 (Jumaat)

#### COVID-19: Selangor Umum Pakej Rangsangan

Ekonomi RM127.78 juta Norzamira Che Noh, bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari hari ini mengumumkan pakej rangsangan ekonomi bernilai RM127.78 juta, mengandungi tujuh inisiatif bagi mengurangkan beban ekonomi akibat penularan COVID-19.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/667125/covid-19-selangor-umum-pakej-rangsangan-ekonomi-rm12778-juta>

### The Star, 21 Mac 2020 (Sabtu)

#### Selangor Convenience Stores, Eateries Ordered To Close at Midnight

Wani Muthiah

KLANG: Twenty-four hour convenience stores and eateries in Selangor will be required to close from midnight to 6am from Sunday (March 22) to March 31.

This is one of the measures initiated by the Selangor government to strengthen the movement control order (MCO) imposed by the Federal Government to stop the spread of Covid-19 in the country.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/21/convenience-stores-eateries-in-selangor-ordered-to-close-at-midnight>

### Astro Awani, 1 April 2020 (Rabu)

#### Selangor Tambah RM272 juta untuk Perangi COVID-19 - Amirudin Shari

Firdaus Azil



KUALA LUMPUR: Kerajaan Selangor hari ini mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin 2.0 sebanyak RM272 juta, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM400 juta,

khusus untuk menangani impak COVID-19, kata Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/selangor-tambah-rm272-juta-untuk-perangi-covid-19-amirudin-shari-236269>

### The Star, 12 April 2020 (Ahad)

#### Selangor Starts Mass Testing Campaign

KLANG: The Selangor government has kick-started a Covid-19 mass testing campaign. Menteri Besar Datuk Amirudin Shari said the community testing would be concentrated in several hotspots in the Hulu Langat district.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/12/selangor-starts-mass-testing-campaign>

**Penafian:** Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

